



**UNIVERSITI KUALA LUMPUR
Malaysia France Institute**

**FINAL EXAMINATION
SEPTEMBER 2014 SESSION**

SUBJECT CODE : MPW1143, MPW2143
SUBJECT TITLE : PENGAJIAN ISLAM
LEVEL : DIPLOMA
TIME / DURATION : 2.00 PM – 4.00 PM
(2 HOURS)
DATE : 4 JANUARY 2015

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. Please read the instructions given in the question paper **CAREFULLY**.
 2. This question paper is printed on both sides of the paper.
 3. Please write your answers on the answer booklet provided.
 4. Answer should be written in blue or black ink except for sketching, graphic and illustration.
 5. This question paper consists of **TWO (2)** sections. Section A and B. Answer all questions in Section A and only **TWO (2)** questions in Section B.
-

THERE ARE 11 PAGES OF QUESTIONS, EXCLUDING THIS PAGE.

BAHAGIAN A (Jumlah: 40 markah)**ARAHAN: Jawab SEMUA soalan.****HITAMKAN jawapan yang betul.****Sila guna buku jawapan yang disediakan.**

1. Pendidikan Islam bertujuan melahirkan
 - A. insan yang berbudaya.
 - B. warganegara yang baik.
 - C. insan yang bermoral dan beretika.
 - D. insan yang bertaqwa dan mengabdikan diri kepada Allah SWT semata-mata.

2. Pilih kenyataan yang **benar** mengenai pendidikan akhlah (intelektual) menurut perspektif pendidikan dalam Islam.
 - I. Tidak tersisih daripada daripada nilai-nilai kerohanian.
 - II. Perlu diisi dengan nilai-nilai ketuhanan, sifat ketaatan dan penyucian rohani.
 - III. Amat penting dalam mendidik akal yang mempunyai kemampuan yang tidak terbatas untuk berfikir.
 - IV. Meliputi aspek fizikal dan mental merangkumi kebersihan, kesihatan, kecergasan, kekuatan, keberanian dan disiplin.

A. I dan II.	C. II dan III.
B. I dan IV.	D. III dan IV.

3. Pendidikan Islam tidak akan wujud tanpa pendidikan berikut, yang berfungsi membentuk keyakinan kepada Allah SWT yang menjadi asas kepada kejayaan.

A. Pendidikan moral.	C. Pendidikan rohani.
B. Pendidikan akhlah.	D. Pendidikan jasmani.

4. Semua kenyataan berikut adalah benar mengenai pendidikan Islam **kecuali**
 - A. berlaku secara berterusan sama ada secara formal atau tidak formal.
 - B. hanya terhad kepada pengajaran akademik sahaja tanpa bimbingan dan asuhan oleh pendidik.
 - C. merupakan satu proses menerapkan nilai-nilai Islam dan merealisasikan hasilnya dalam pembinaan insan.
 - D. mengandungi langkah-langkah dan kaedah ilmiah yang dibawa oleh Islam bagi menjamin pembentukan peribadi yang sesuai dengan akidah Islam.

5. Manakah padanan konsep pendidikan Islam yang tepat?
- A. *Tadris* – proses yang berterusan dalam membentuk individu dari aspek fizikal, mental dan spiritual.
 - B. *Ta'allum* – mendidik manusia dengan tujuan untuk memperbaiki kehidupan manusia ke arah yang lebih sempurna.
 - C. *Irsyad* – mempelajari sesuatu yang boleh dikaitkan dengan pengajaran dalam sesuatu mata pelajaran dan isi kandungannya.
 - D. *Ta'lim* – pengajaran dan penyampaian ilmu yang juga menjadi bukti bagi mereka yang mempunyai pengetahuan yang luas dan berilmu.
6. Mengapakah konsep *ta'dib* memainkan peranan yang penting dalam pendidikan Islam?
- A. Melahirkan tingkah laku yang sopan dan berdisiplin tinggi.
 - B. Membawa manusia ke jalan yang benar bagi kehidupan di dunia.
 - C. Melahirkan mereka yang mempunyai pengetahuan yang luas dan berilmu.
 - D. Mengingatkan manusia supaya melaksanakan perkara yang diredhai dan meninggalkan segala kemungkaran.
7. Institusi pendidikan berikut, yang biasanya didirikan di anjung masjid atau berdekatan dengan rumah guru, menjadi tempat kanak-kanak belajar membaca, menulis dan menghafaz al-Quran.
- A. Jami'.
 - B. Kuttah.
 - C. Pondok.
 - D. Madrasah.
8. Selain daripada menjadi tempat beribadat, masjid berikut turut terkenal sebagai pusat pengajian yang menjalankan pembelajaran dalam sistem *halaqah*.
- A. Darul Hikmah.
 - B. Baitul Hikmah.
 - C. Jami' al-Umawi.
 - D. Dar al-Arqam bin Abi al-Arqam.
9. Semua kenyataan berikut adalah benar mengenai proses pembentukan keluarga dalam Islam **kecuali**
- A. perlu mengutamakan aspek keimanan dalam pemilihan jodoh.
 - B. menolak ciri-ciri harta, keturunan dan kecantikan dalam pemilihan jodoh.
 - C. perlu mengikuti peraturan-peraturan perkahwinan yang telah ditetapkan oleh Islam.
 - D. memerlukan pengetahuan dalam bab munakahat untuk mengetahui hukum-hukum agama berkaitan dengan nikah.

13. Manakah kenyataan yang **benar** mengenai pembentukan masyarakat menurut perspektif Islam?
- A. Tidak mencampur adukkan agama dengan soal kehidupan bermasyarakat dan bernegara.
 - B. Menjunjung perintah Allah SWT dengan melaksanakan kehidupan yang berlandaskan sistem Islam.
 - C. Anggotanya berkumpul atas dasar kebendaan bagi melahirkan sebuah negara yang kuat dari segi ekonomi.
 - D. Tidak dibenarkan hidup bersama-sama dengan orang bukan Islam dalam satu masyarakat untuk mengelakkan pengaruh yang tidak sihat.
14. Hak beragama yang dijamin bagi anggota masyarakat bukan Islam merangkumi hak
- A. mengamalkan ibadat dalam agamanya mengikut batas-batas tertentu.
 - B. mengamalkan ibadat dalam agamanya jika dibenarkan oleh masyarakat Islam.
 - C. mengamalkan ibadat dalam agamanya yang tidak bertentangan dengan syariat Islam.
 - D. mengamalkan ibadat dalam agamanya dan menyebarkan agamanya kepada masyarakat awam.
15. Salah satu asas penting yang menjadi prinsip pembentukan masyarakat Islam adalah
- A. kekuatan material.
 - B. kestabilan ekonomi.
 - C. pembangunan akhlak.
 - D. semangat perkauman.
16. Siapakah orang bukan Islam yang dikenali sebagai ahli zimmah?
- A. Mereka yang diberikan kebenaran untuk tinggal dalam negara Islam tanpa diberikan hak kewarganegaraan.
 - B. Mereka yang diberikan kebenaran sementara untuk tinggal dalam negara Islam dalam tempoh yang tertentu.
 - C. Mereka yang diberikan perlindungan oleh kerajaan Islam daripada kezaliman pihak pemerintah di negara asal mereka.
 - D. Mereka yang diberikan hak untuk menjadi warganegara yang sah dan mempunyai hak dan tanggungjawab yang perlu dipatuhi dan ditunaikan.

17. Berikut adalah kesan penjajahan Barat di negara-negara Islam terhadap pemikiran penduduknya.
- A. Islam sama seperti agama di Barat, boleh berperanan mengatur kehidupan duniawi manusia.
 - B. Islam sama seperti agama di Barat, tidak mempunyai peranan dalam soal politik kenegaraan.
 - C. Islam sama seperti agama di Barat, boleh berperanan sebagai asas pembentukan tamadun yang unggul.
 - D. Islam sama seperti agama di Barat, tidak mempunyai peranan dalam soal ritual yang berkaitan dengan hubungan manusia dengan tuhan.

Hanya Allah SWT sahaja yang memiliki hak hakiki untuk memberikan perintah dan sekaligus berhak menerima kepatuhan yang tidak berbelah bagi daripada sekalian makhluk ciptaanNya termasuklah manusia.

18. Kenyataan di atas menjelaskan salah satu prinsip pemerintahan dan pentadbiran Islam menurut Afzalur Rahman, iaitu
- A. *tauhid.*
 - B. *nubuwwah.*
 - C. *risalah.*
 - D. *khilafah.*
19. Khulafa al-Rasyidin merujuk kepada para sahabat yang menjadi pengganti Rasulullah SAW sebagai
- A. panglima tentera dalam peperangan yang tidak disertai oleh baginda.
 - B. pentadbir kota Madinah semasa baginda keluar mengetuai ekspedisi jihad.
 - C. ketua negara dalam pemerintahan dan pentadbiran di Madinah setelah kewafatan baginda.
 - D. mujtahid dalam memutuskan soal hukum halal dan haram semasa ketiadaan baginda di Madinah.

Rasulullah SAW tidak pernah sama sekali membezakan golongan yang lemah dan para hamba sahaya serta antara Arab dan bukan Arab semenjak peringkat awal dakwah baginda di Mekah sebelum berhijrah ke Madinah lagi.

20. Kenyataan di atas merujuk kepada salah satu prinsip pemerintahan dan kepimpinan Rasulullah SAW dan Khulafa' al-Rasyidin, iaitu
- A. keadilan.
 - B. ketelusan.
 - C. kebebasan.
 - D. kesamarataan.

21. Mengapakah ketua negara dalam sistem pemerintahan dan pentadbiran Islam digelar sebagai *amir al-mukminin*?
- A. Beliau merupakan pemimpin yang ditaati arahannya.
 - B. Beliau merupakan rujukan tertinggi dalam soal hukum-hakam.
 - C. Beliau merupakan pemimpin kerohanian teragung umat Islam.
 - D. Beliau memainkan peranan sebagai panglima tentera dalam peperangan.
22. Berikut adalah salah satu prinsip syura.
- A. Tidak boleh mengkritik mana-mana pandangan ahli mesyuarat yang lain.
 - B. Pengendalian mesyuarat mestilah dengan penuh hikmah dan lemah lembut.
 - C. Setiap keputusan hendaklah mengutamakan kepentingan perseorangan lebih daripada kepentingan umum.
 - D. Ahli mesyuarat tidak boleh mengemukakan pandangan yang berbeza dengan pandangan ahli mesyuarat lain.
23. Semua kenyataan berikut adalah benar mengenai pelaksanaan syura dalam bentuk praktikal **kecuali**
- A. diserahkan kepada ijtihad dan kebijaksanaan umat Islam yang berkelayakan sesuai dengan persekitaran zaman dan lokasi mereka.
 - B. tidak dinyatakan oleh nas-nas syarak secara terperinci untuk dilaksanakan secara rigid dan konsisten pada setiap masa dan tempat.
 - C. terikat dengan contoh pelaksanaan yang ditunjukkan oleh sirah pemerintahan dan pentadbiran Khulafa al-Rasyidin yang mesti diikuti.
 - D. soal-soal teknikaliti majlis syura seperti kaedah pemilihan ahlinya hendaklah diputuskan berdasarkan keadaan dan keperluan semasa umat Islam.
24. Pilih kenyataan yang **benar** mengenai hisbah.
- I. Mengambil tindakan yang perlu untuk membendung segala perbuatan salah laku yang menjejaskan pentadbiran negara.
 - II. Bidang tugasnya termasuk ke dalam tugas-tugas keagamaan yang dikaitkan dengan kewajipan *amar makruf nahi mungkar*.
 - III. Memberi ruang kepada rakyat untuk menyalurkan kritikan membina terhadap sebarang polisi yang diputuskan oleh pihak pemerintah.
 - IV. Membolehkan pihak pemerintah mendapatkan nasihat daripada golongan pakar bagi menyelesaikan sesuatu permasalahan yang timbul dalam negara.
- A. I dan II.
 - B. I dan III.
 - C. II dan IV.
 - D. III dan IV.

25. Dua unsur utama dalam ekonomi Islam adalah
- | | |
|---|--|
| A. <i>al-'adl</i> dan <i>al-ihsan</i> . | C. <i>al-khayr</i> dan <i>al-wasatiyyah</i> . |
| B. <i>al-ma'ruf</i> dan <i>al-tazkiyyah</i> . | D. <i>al-hurriyyah</i> dan <i>al-musawah</i> . |
26. Berikut adalah salah satu prinsip yang mendasari sistem ekonomi Islam.
- A. Tidak membenarkan pemilikan individu.
- B. Memiliknegarakan semua aktiviti perusahaan.
- C. Pembersihan harta dan penyucian jiwa melalui zakat dan sedekah sunat.
- D. Mengutamakan kepentingan individu dan diri meskipun menjejaskan kepentingan masyarakat.
27. Pihak pemerintah menurut sistem ekonomi Islam mempunyai kuasa untuk
- A. melarang pemilikan harta oleh individu dan masyarakat.
- B. bersaing secara sihat dengan sektor swasta bagi merebut keuntungan.
- C. merampas harta yang dimiliki oleh mana-mana individu untuk mengawal kekayaan mereka.
- D. mengawasi dan menguatkuasakan undang-undang sehingga hak dan kepentingan semua pihak terjamin.
28. Semua perkara berikut merupakan sumber pendapatan harta Baitulmal daripada harta masyarakat **kecuali**
- | | |
|--------------|------------------|
| A. wakaf. | C. sedekah. |
| B. ghanimah. | D. zakat fitrah. |
29. Pilih kenyataan yang **benar** mengenai sistem *al-mudharabah*.
- I. Persetujuan antara beberapa orang pelabur untuk berkongsi modal bagi membuka sesebuah perniagaan.
- II. Andainya berlaku kerugian dalam pelaburan, maka pelabur akan menanggungnya secara bersendirian.
- III. Keuntungan yang diperolehi akan dibahagikan mengikut nisbah yang dipersetujui di antara pelabur dan pengusaha.
- IV. Digunakan oleh syarikat takaful sebagai pengusaha untuk melaburkan wang peserta yang terkumpul (pencarum) sebagai pelabur.
- | | |
|----------------|--------------------|
| A. I dan II. | C. III dan IV. |
| B. II dan III. | D. II, III dan IV. |

30. Institusi berikut membolehkan pelanggan, yang menggadaikan barangannya sebagai jaminan pembayaran balik, mendapat kemudahan pinjaman wang dalam tempoh tertentu tanpa dikenakan bunga (*interest*).
- A. *Al-Ujrah.* C. *Al-Ijarah.*
 B. *Al-Rahnu.* D. *Al-Syarikah.*
31. Kontrak berikut merujuk kepada persetujuan antara penyimpan yang membenarkan pihak bank menjaga dan menguruskan wang simpanannya.
- A. *Al-Wadi'ah.* C. *Al-Murabahah.*
 B. *Al-Musyarakah.* D. *Al-Mudharabah.*
32. *Bay' Bithaman Ajil* (BBA) membolehkan pengguna memperolehi kemudahan
- A. sewa beli sesuatu aset seperti kenderaan.
 B. pinjaman dengan sokongan beberapa orang penjamin.
 C. pembiayaan untuk membuat pembelian aset seperti rumah.
 D. pinjaman dengan bayaran balik yang sama dengan jumlah yang dipinjam.

Rasulullah SAW pernah memutuskan hukuman potong tangan ke atas perempuan Bani Makhzum yang berpengaruh walaupun baginda diminta supaya menggugurkan hukuman tersebut.

33. Kenyataan di atas merujuk kepada prinsip perundangan berikut.
- A. Memastikan keadilan terpelihara.
 B. Beransur-ansur dalam perundangan.
 C. Perundangan yang tidak menyempitkan.
 D. Perundangan yang selaras dengan kemaslahatan manusia.
34. Semua perkara berikut merupakan sumber-sumber sekunder perundangan Islam **kecuali**
- A. uruf. C. sunnah.
 B. istishab. D. syar'u man qablana.

Menghubungkan sesuatu perkara yang tidak ada nas tentang hukumnya dengan satu perkara yang ada nas tentang hukumnya kerana kedua-duanya ada mempunyai persamaan dari segi illah hukum.

35. Kenyataan di atas merujuk kepada salah satu sumber perundangan Islam berikut.
- A. Ijmak.
 - B. Qiyas.
 - C. Istihsan.
 - D. Masalih mursalah.
36. Berikut adalah salah satu ciri hukuman hudud.
- A. Dikenakan bagi tujuan menjamin hak-hak individu.
 - B. Keseksaan yang fleksibel, boleh berubah dan diubah oleh hakim.
 - C. Boleh dimaafkan oleh ketua negara sebagai pemerintah tertinggi.
 - D. Hukumannya telah ditentukan dan ditetapkan oleh Allah SWT di dalam al-Quran dan al-Sunnah.
37. Hukuman yang ditetapkan bagi kesalahan berikut adalah 80 kali sebatan.
- A. Wanita yang murtad (*riddah*).
 - B. Minum arak (*shurb al-khamr*).
 - C. Menuduh zina kepada orang yang baik (*qazaf*).
 - D. Zina bagi pesalah yang belum pernah berkahwin (*zina ghayru muhsan*).
38. Hukuman yang dikenakan ke atas kesalahan *hirabah* sekiranya perompak membunuh sahaja tanpa menyamun harta benda adalah
- A. Dihukum bunuh.
 - B. Dipotong tangan.
 - C. Dihukum bunuh dan disalib (palang).
 - D. Dipotong tangan dan kaki secara bersilang.

BAHAGIAN B (Jumlah: 20 markah)**ARAHAN: Jawab DUA soalan sahaja.****Sila guna buku jawapan yang disediakan.**

1. Konsep jihad seringkali didakwa oleh sebahagian pihak sebagai punca berlakunya keganasan umat Islam ke atas para penganut agama yang lain.

Kemukakan **tiga** hujah anda untuk menolak dakwaan di atas.

(10 markah)

2. Islam menerima kesenian seperti muzik dan nyanyian yang tidak bercanggah dengan hukum syarak.

Bincangkan **tiga** garis panduan yang perlu dipatuhi bagi memastikan kegiatan muzik dan nyanyian bertepatan dengan hukum syarak.

(10 markah)

3. Perpaduan ummah adalah sangat penting dalam mewujudkan kesejahteraan, keamanan dan kemakmuran dalam dunia Islam.

Huraikan **tiga** kepentingan perpaduan ummah.

(10 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT